



**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN & INOVASI)**

BIL: 2/2009

Semua
Ketua Bahagian/Pusat/Unit
Dekan Fakulti
Pengarah Kampus
Universiti Teknologi MARA

Y Bhg Dato/Datin/Prof/Tuan/Puan

**PENYERAPAN JAWATANKUASA ALAT PANDANG DENGAR (JAPD)
KE DALAM JAWATANKUASA PENILAIAN DAN PENGGUNAAN
KOMPUTER (JPPK)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif UiTM bil. 23/2008 pada 12 Oktober 2008 telah membuat keputusan supaya Jawatankuasa Alat Pandang Dengar (JAPD) di ILQAM diserapkan ke dalam Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer (JPPK) UiTM. Tindakan berkenaan dapat mengurangkan birokrasi serta mengelakkan pertindihan permohonan peralatan sambil mempercepatkan proses penilaian dan pembelian alat pandang dengar.

Sehubungan itu, **berkuatkuasa 1 Mac 2009** segala permohonan perolehan alat pandang dengar perlu dimajukan kepada Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer (JPPK) yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).

Permohonan hendaklah dialamatkan seperti berikut:

**Pengerusi
Jawatankuasa Penilaian & Penggunaan Komputer (JPPK)
Tingkat 5, Pusat Sistem Maklumat Bersepadu
Menara SAAS, Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
(up: Puan Ezabarena binti Radzi)**

Kerjasama Y Bhg Dato/Datin/Prof/Tuan/Puan amatlah dihargai untuk memanjangkan perkara ini kepada pegawai bertanggungjawab dalam perolehan peralatan alat pandang dengar di jabatan masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar

PROF MADYA DR ZAINI ABDULLAH
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

s.k Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-PPS (PT. 6/7/2)
Tarikh : 24 Februari 2009